

15 FEB 2003

Palestin-Pengalaman/I

RAKYAT PALESTIN KONGSI PENGALAMAN DENGAN DR M

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- "Maafkan saya tuan sekiranya Bahasa Inggeris saya tidak berapa baik, tetapi saya perlu memberitahu mengenai kehidupan saya. Lima orang daripada rakan sekelas saya terbunuh, kami tidak mempunyai bekalan air atau elektrik. Kami tidak mempunyai pendidikan sempurna, kami tinggal dalam ketakutan."

"Beritahu saya apa yang kamu mahu kami lakukan. Kami memerlukan pertolongan. Kami memerlukan bantuan. Kami memerlukan apa sahaja yang kamu boleh berikan. Kami mahu tinggal dengan aman."

Inilah ungkapan yang diluahkan oleh seorang remaja Palestin, Jenin Mohamed Al-Bilani, kepada salah seorang pemimpin negara berpengaruh di Asia Tenggara iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila Perdana Menteri Malaysia itu bertemu dengan 11 rakyat Palestin dalam satu sesi dialog di Seri Perdana di sini hari ini.

Dengan digenangi air mata, remaja itu cuba sedaya mungkin untuk tidak menangis, sambil memberitahu demikian kepada Dr Mahathir apabila beliau bertanyakan cerita mengenainya pada dialog hampir dua jam, yang turut dihadiri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dialog itu merupakan sebahagian inisiatif Kempen Aman Malaysia anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia.

Sementara semua warga Palestin itu berpeluang menyuarakan perasaan mereka, melahirkan rasa penghargaan kepada Dr Mahathir yang berterusan menyuarakan perjuangan rakyat Palestin kepada dunia, para pelawat itu mahukan Malaysia memainkan peranan yang lebih menonjol.

Remaja wanita, Safaa Al-Damshah, memberitahu Dr Mahathir bahawa dengan keadaan tidak tenteram di Palestin, para pelajar tidak dapat menumpukan pelajaran mereka di sekolah.

"Mereka (Israel) memusnahkan rumah kami, kami sentiasa didera...malahan semasa belajar pun sebarang kemungkinan boleh berlaku. Saya sentiasa merasa takut sama ada di dalam rumah sendiri mahupun di sekolah," katanya.

Seorang lagi remaja wanita, Heba Sbaih dengan penuh emosi menceritakan mengenai abangnya yang berumur 16 tahun yang disifatkannya sebagai telah mati syahid apabila dibunuh oleh tentera Israel di luar rumah mereka.

"Satu hari sedang saya dalam perjalanan pulang dari sekolah dan tiba di jalan yang terletaknya rumah kami, saya tidak lagi dapat camkan rumah saya. Selepas beberapa ketika baru saya sedari bahawa rumah kami telah diruntuhkan...tiada langsung kesan rumah kami," katanya kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang nyata cuba mengawal kesedihan mereka.

Seorang paderi Kristian, Constantin Basil Salameh, yang turut menyertai kumpulan pelawat itu memberitahu keganasan Israel bukan hanya ke atas orang Islam tetapi turut disasarkan kepada orang Kristian.

"Kami pernah mempunyai 20 peratus penduduk Kristian di Palestin tetapi kini hanya tinggal 3 peratus sahaja daripada jumlah penduduknya."

"Hari ini saya membaca kenyataan kamu (Dr Mahathir) dan biar saya memberitahu kamu bahawa saya sesungguhnya berbangga dengan kamu dan isteri di atas inisiatif keamanan yang Malaysia telah lakukan," katanya.

Beliau berkata orang Islam dan Kristian di Palestin sentiasa ditekan terutama dengan tanah mereka diambil untuk dijadikan penempatan baru Yahudi.

"Tanah saya diambil untuk penempatan baru. Kini saya hanya berpeluang pergi dan melihat tanah itu tetapi tidak dapat menggunakannya. Kami memerlukan mukzizat daripada Tuhan untuk menyelamatkan kami, namun dengan

simpati orang seperti kamu boleh membantu kami," katanya.

-- BERNAMA

SR SR HM